

## TEKS UCAPAN

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
PERHIMPUNAN KORPORAT BIL 01/2016 DAN MAJLIS  
PELANCARAN ALAT AUTOMATED EXTERNAL  
DEFRIBILATOR  
1 FEBRUARI 2016 (ISNIN), JAM 8.00 PAGI**

---

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas  
Tani, Pembangunan Luar Bandar & Kesihatan

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-Rakan Media

Y.Bhg. Dato'-Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini bagi Perhimpunan Korporat pertama untuk tahun 2016 dan Majlis Pelancaran Alat Automated External Defribilator (AED). Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Dr. Afif bin Bahardin dan semua yang hadir pada pagi ini. Kami amat bertuah hari ini dengan kehadiran YAB Ketua Menteri di Perhimpunan Korporat sulung MPSP.

MPSP mengadakan 4 Perhimpunan Korporat setiap tahun. Pada bulan Januari yang lalu, saya , Setiausaha Perbandaran, Ketua-ketua jabatan dan Ahli-ahli Majlis telah bertemu dengan semua pekerja awam di tiga daerah (SPU, SPT dan SPS) bagi manyampaikan mandat, arah tuju dan arahan kepada semua pekerja awam untuk bekerja dengan lebih dedikasi dan rajin sebagai penjawat awam berkualiti A, B,C, D, E, dan F.

Kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis tahun 2016 yang baru dilantik untuk bersama-sama membantu pentadbiran MPSP mencapai perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan pintar sebagaimana yang diharapkan oleh Kerajaan Negeri dan penduduk Seberang Perai. Pengalaman dan ilmu pada tuan-tuan dan puan-puan saya percaya boleh membantu MPSP menggubal dasar untuk pembangunan mampan yang bertaraf antarabangsa disamping berganding bahu dalam meningkatkan mutu penyampaian dan perkhidmatan kepada *stakeholders* di Seberang Perai.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada tahun 2016, Majlis Perbandaran Seberang Perai akan terus komited dalam memacu pembangunan mampan di Seberang Perai, selari dengan hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hub nasional dan serantau bagi pelancongan, perkhidmatan dan industri berteknologi tinggi. Seperti mana ucapan YAB Ketua Menteri : “Tahun 2016 : Year of *Transformative Change in Penang*”.

## **Fokus MPSP 2016**

Untuk membantu ke arah tersebut, MPSP telah melancarkan Fokus MPSP 2016. Fokus ini merupakan pelan perancangan tahunan MPSP yang diterjemahkan dari Pelan Strategi Lima (5) Tahun MPSP. Ianya merupakan satu tindakan jangka pendek yang dirangka bagi memastikan pelan strategi MPSP dicapai menjelang 2018 nanti. Fokus 2016 mempunyai 9 fokus strategi, 57 program dan 106 aktiviti telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini. 9 fokus yang telah dibentuk yang merupakan '*core business*' MPSP iaitu:

1. Kebersihan
2. Keselamatan & Lalulintas
3. Penguatkuasaan
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti
7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan Proses Kerja

Fokus MPSP 2016 ini adalah kesinambungan dari Fokus MPSP 2015 yang menekankan aspek "*Delivery and Performance*".

## **Deklarasi Batu Ferringhi 2016**

Dalam usaha untuk menjadikan Seberang Perai mampan dan bertaraf antarabangsa Pihak Pengurusan telah mengadakan '*brain storming*' di Batu Ferringhi di penghujung tahun 2015. YDP, SU dan Semua Ketua Jabatan komited untuk melaksanakan perubahan dalam cara kerja dan minda. Komitmen ini telah dirumuskan di dalam Deklarasi Batu Ferringhi 2016. Deklarasi ini telah ditandatangani oleh YDP, SU dan Semua Ketua Jabatan serta Ketua Unit menandakan komitmen padu kami untuk membuat perubahan pada tahun 2016.

Tahun 2016 adalah merupakan tahun transformatif bagi MPSP. Kami ingin merubah minda dan cara bekerja kearah kreatif, inovatif, tegas, pantas dan berhemah supaya perkhidmatan MPSP dapat dirasai dan dinikmati oleh semua penduduk Seberang Perai dan pelancong. Kami di peringkat pengurusan telah berjanji "We are committed to deliver as promised". Kami memerlukan kerjasama padu dari semua kakitangan MPSP serta sokongan seluruh penduduk Seberang Perai.

## **Unit Baru**

Sebagai makluman semua, dua unit baru telah ditubuhkan bagi memantapkan lagi pentadbiran MPSP iaitu Unit Butterworth Baharu telah ditubuhkan di MPSP pada Mei 2015 dan Unit Eco-City untuk memandu dan mengawal pembangunan di Batu Kawan. Dalam masa yang sama, satu pasukan kerja bersama Yokohama City Council, Yokohama University, USM dan JICA telah ditubuhkan untuk mengkaji dan merancang reka bentuk Bandar Bukit Mertajam. Projek ini mengambil masa 3 tahun (2015-2018) dan dibiayai oleh JICA.

## **Pencapaian MPSP 2015**

Sebagai makluman semua, MPSP telah mendapat banyak pengiktirafan sepanjang tahun 2015 di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Pengiktirafan adalah merupakan penanda arasan bagi MPSP, tetapi yang lebih penting adalah semua warga MPSP hendaklah komited sebagai satu pasukan yang mantap untuk memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik. Seterusnya dapat membawa Seberang Perai ke tahap antarabangsa dan pintar. Marilah kita berkhidmat dengan penuh integriti atas landasan C.A.T. (Cekap, Akauntabiliti dan Telus). Pencapaian yang diperolehi dapat dirasai bersama dan dihargai

oleh penduduk Seberang Perai. Seperti dalam ucapan YB Tuan Chow Kon Yeow, penduduk Seberang Perai dan Pulau Pinang adalah penting dalam menilai pencapaian MPSP. Oleh itu saya perlukan kerjasama padudari tuan-tuan dan puan-puan semua.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

***Automated External Defibrillator (AED)***

Sempena dengan Pelancaran Alat *Automated External Defibrillator (AED)*, saya difahamkan sebanyak 4 unit alat AED akan dipasang di Seberang Perai iaitu di Bangunan Ibu Pejabat MPSP, Kompleks Sukan Jalan Betek, Taman Rekreasi Cherok To'kun dan Stesen Keretapi Butterworth. Saya berharap dengan adanya alat AED kita dapat membantu mangsa serangan jantung dan semua kakitangan diharap akan bekerjasama untuk menjaga alat ini supaya sentiasa dalam keadaan baik untuk digunakan. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan penaja.

Dengan harapan tersebut saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.